



**MENGURUSKAN
KEWANGAN
PERNIAGAAN ANDA**

MENGURUSKAN KEWANGAN PERNIAGAAN ANDA

Kos yang terlibat dalam memulakan perniagaan anda dikenali sebagai kos operasi dan perbelanjaan modal.



APA ITU PERBELANJAAN?

Perbelanjaan ialah yang terlibat dalam transaksi perniagaan dan pentadbiran. Perbelanjaan direkod di dalam Penyata Untung Rugi dan tidak melibatkan pembayaran tunai seperti susut nilai bagi aset tetap.

Contoh : Pendaftaran, gaji, KWSP & SOCSO, sewaan, utiliti dan sebagainya.

PERBELANJAAN YANG TIDAK BERULANG

Lazimnya terdapat 4 jenis perbelanjaan yang tidak berulang dalam perniagaan:

1. Kos berkaitan untuk menubuhkan entiti perniagaan
 - a) Perniagaan / PLT / Pendaftaran syarikat
 - b) Yuran profesional
 - c) Lain-lain pendaftaran
2. Kos berkaitan untuk menyediakan premis / lokasi perniagaan
 - a) Deposit sewaan
 - b) Deposit utiliti air dan elektrik
 - c) Deposit pemasangan telefon dan internet
 - d) Pembaikan premis
 - e) Pengubahsuaian premis
3. Kos berkaitan aset tetap dan peralatan perniagaan
 - a) Mesin
 - b) Komputer
 - c) Perabut dan kelengkapan
 - d) Kenderaan bermotor
 - e) Peralatan pejabat
4. Pemasaran dan Promosi
 - a) Profil syarikat
 - b) Brosur produk / perkhidmatan
 - c) Kad perniagaan
 - d) Bahan pengiklanan

PERBELANJAAN OPERASI DAN PERBELANJAAN MODAL

Perbelanjaan operasi adalah kos yang terlibat untuk mengendalikan operasi perniagaan anda manakala modal kerja ialah untuk pengembangan perniagaan. Jumlah kos yang diperlukan bergantung kepada ramalan pendapatan yang diperoleh daripada produk / perkhidmatan anda dalam tempoh tertentu sebagai contoh 6 bulan atau 1 tahun.

Contoh kos lain adalah:

- a) Stok / inventori
- b) Gaji
- c) Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO)
- d) Sewaan Pejabat / kedai
- e) Bil air dan elektrik
- f) Bil telefon dan internet
- g) Percetakan dan alat tulis
- h) Perbelanjaan pejabat
- i) Pengangkutan
- j) Petrol, tol dan parkir
- k) Pembaikan dan penyelenggaraan
- l) Promosi bulanan
- m) Lain-lain



Apa itu Susut Nilai?

Susut nilai ialah penurunan nilai aset dalam tempoh pemilikan berikutan perubahan keadaan fizikal dan kehadiran teknologi baharu.

Contoh: Harga mesin semasa pembelian ialah RM20,000. Susut nilai tahunan ialah 10% bersamaan RM2,000.00.

Siapakah Penghutang?

Penghutang ialah pelanggan yang belum membayar produk atau perkhidmatan anda.

Siapakah Pemiutang?

Pemiutang ialah pembekal yang membekalkan anda barang-barang atau perkhidmatan untuk perniagaan tetapi belum dibayar oleh anda.

Apakah itu Overdraif?

Overdraif ialah pemberian kredit oleh institusi kewangan atau bank apabila suatu akaun mencecah kosong, yang membolehkan anda membuat peminjaman daripada akaun semasa anda.

Apa itu Akruan?

Akruan ialah pendapatan yang diperoleh atau perbelanjaan yang dilakukan tetapi belum direkodkan dalam akaun atau masih belum dibayar lagi.

Mari buat kira-kira:

ABC Enterprise ialah sebuah syarikat yang baru memulakan perniagaan percetakan. Berikut merupakan Kos Perlaburan Perniagaan atau Bajet syarikat tersebut selama 6 bulan.

Daripada Jadual di sebelah, kita dapat lihat bahawa ABC Enterprise memerlukan sebanyak RM74,232 untuk Kos Pelaburan Perniagaan Yang meliputi bajet untuk 6 bulan yang pertama.

Kos	RM	RM
A Kos Tidak Berulang		
1. Kos untuk menubuhkan entiti perniagaan		
• Pendaftaran syarikat	70	
• Latihan & seminar	1,000	
Jumlah	1,070	
2. Perbelanjaan premis / lokasi perniagaan		
• Deposit Sewaan	2,400	
• Deposit utiliti air dan elektrik	200	
• Deposit telefon dan internet	200	
• Lesen pihak berkuasa	200	
Jumlah	3,000	
3. Kos aset tetap dan peralatan perniagaan		
• Komputer	2,000	
• Mesin faks	450	
• Mesin #1	3,000	
• Peralatan #2	2,000	
• Perabot	5,000	
• Pendingin hawa	1,000	
• Pengubahsuaian	10,000	
Jumlah	23,450	
4. Kos Pemasaran dan Promosi		
• Promosi	500	
Jumlah	500	
B Kos operasi dan modal kerja	Bulanan	Kos 6 bulan
• Gaji	3,800	22,800
• KWSP & SOCSO	532	3,192
• Sewaan pejabat	1,200	7,200
• Air dan elektrik	200	1,200
• Telefon dan internet	150	900
• Percetakan dan alat tulis	100	600
• Pengangkutan	150	900
• Petrol, tol dan parkir	120	720
• Pembaikan dan penyelenggaraan	300	1,800
• Lain-lain	150	900
Jumlah	6,702	40,212
C Stok Awal	6,000	6,000
Jumlah Kos Pelaburan Perniagaan (A+B+C)	40,722	74,232

SIMPAN KIRA-KIRA – JANGKAAN KITARAN PERAKAUNAN ANDA

Objektif utama memulakan perniagaan adalah untuk mendapatkan keuntungan. Objektif yang lain ialah :

Adalah penting untuk setiap usahawan mempunyai rekod yang baik bagi setiap transaksi perniagaan, pendapatan dan perbelanjaan supaya dapat mengenal pasti sama ada perniagaan tersebut mencapai keuntungan atau kerugian.

Pengetahuan asas tentang simpan kira-kira adalah penting untuk pelaporan kewangan perniagaan yang konsisten.



Operasi harian perniagaan boleh direkodkan berdasarkan kitaran perakaunan yang ringkas seperti berikut:



PERLU TAHU


- **Debit:** Perbelanjaan / Jumlah Hutang – untuk direkodkan di ruangan kiri dalam ruangan akaun
- **Kredit:** Pendapatan / Perolehan – untuk direkodkan di bahagian kanan dalam ruangan akaun
- **Aset:** Hartanah, peralatan atau hak milik yang bernilai kepada perniagaan sama ada aset ketara (pejabat, mesin) atau aset tidak ketara (cap dagangan, hak cipta)
- **Liabiliti:** tanggungan kewangan atau hutang syarikat

BUKU TUNAI

Asas kepada sistem perakaunan adalah menyimpan rekod buku tunai. Penyimpanan rekod untuk semua perbelanjaan dan dokumen asal seperti bil, inbois, resit, pembayaran dan baucer jualan adalah penting sebagai bukti bagi setiap data yang dinyatakan di dalam buku tunai syarikat anda. Data daripada buku tunai akan digunakan untuk merekod penyata bulanan akaun syarikat anda. Bagi usahawan syarikat kecil, buku tunai digunakan untuk merekod transaksi harian mereka.

Buku Panduan ini akan menunjukkan kepada anda bagaimana untuk menyediakan dan menyelia rekod buku tunai. Buku tunai ini amat penting untuk membantu anda menganalisis pendapatan serta mengira cukai dan pulangan GST. Buku tunai boleh direkodkan secara manual di dalam buku atau secara elektronik, tetapi mestilah senang digunakan dan mudah difahami.

Buku tunai manual yang diterangkan di dalam buku panduan ini merupakan panduan asas dan hanya melibatkan beberapa entri. Walaubagaimanapun, ia adalah konsep asas yang digunakan dalam bentuk rekod elektronik di dalam komputer.



Tarikh	Jumlah (RM)	GST	Jenis	Baki	Nota
1/1/2017	23,450	-	Pendapatan	23,450	Baki Awal
2/1/2017	3,000	-	Perbelanjaan	20,450	Mesin #1
3/1/2017	2,000	-	Perbelanjaan	18,450	Peralatan #2
3/1/2017	5,000	-	Pendapatan	23,450	Jualan
3/1/2017	2,000	-	Perbelanjaan	21,450	Komputer
4/1/2017	450	-	Perbelanjaan	21,000	Mesin faks

ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI OPERASI PERNIAGAAN

Aliran tunai terdiri daripada aktiviti yang menghasilkan pendapatan seperti pembelian produk dan perkhidmatan serta jualan. Aliran tunai boleh disediakan menggunakan dua kaedah iaitu Kaedah Langsung dan Kaedah Tidak Langsung.

Kaedah Langsung

Kaedah langsung digunakan untuk merekod aktiviti operasi yang melibatkan pelbagai jenis penerimaan tunai seperti wang tunai yang dibayar kepada pembekal, wang tunai yang diterima daripada pelanggan, gaji dan sebagainya. Jumlahnya dimasukkan di bawah bahagian operasi di dalam penyata aliran tunai.

Contoh formula yang digunakan untuk mengira aliran wang tunai keluar dan masuk adalah seperti berikut:

Terimaan Tunai daripada Pelanggan =

- + Jualan Bersih
- + Baki Awal Akaun Penghutang
- Baki Akhir Akaun Penghutang



Pembayaran Tunai kepada Pembekal =

- + Belian
- + Baki Akhir Inventori
- Baki Awal Inventori
- + Baki Awal Akaun Pemiutang
- Baki Akhir Akaun Pemiutang



Pembayaran Tunai untuk Pembelian Aset Prabayar =

- + Baki Akhir Prabayar Sewaan, Insurans dan lain-lain
- + Perbelanjaan Sewaan, Insurans dan lain-lain
- Baki Awal Sewaan, Insurans dan lain-lain





Pembayaran Tunai Kepada Pekerja =

- + Baki Awal Gaji Perlu Dibayar
- Baki Akhir Gaji Perlu Dibayar
- + Perbelanjaan Gaji

Pembayaran Faedah =

- + Baki Awal Faedah Perlu Dibayar
- Baki Akhir Faedah Perlu Dibayar
- + Perbelanjaan Faedah



Pembayaran Cukai Pendapatan =

- + Baki Awal Cukai Pendapatan Perlu Dibayar
- Baki Akhir Cukai Pendapatan Perlu Dibayar
- + Perbelanjaan Cukai Pendapatan



Kaedah Tidak Langsung

Jumlah aliran tunai daripada aktiviti operasi perniagaan dikira berdasarkan jumlah pendapatan bersih yang diperoleh daripada Penyata Pendapatan. Pendapatan bersih digunakan sebagai permulaan dan pelarasan dibuat untuk semua transaksi melibatkan item bukan tunai dan kemudian pelarasan untuk semua yang melibatkan tunai.

Berikut merupakan formula kaedah tidak langsung untuk pengiraan jumlah aliran tunai daripada aktiviti operasi:

Pendapatan Bersih

- + **Perbelanjaan Bukan Tunai:**
(Perbelanjaan Susut Nilai, Pengurangan & Pelunasan)
- + **Kerugian Bukan Operasi:**
(Kerugian Atas Jualan Aset Tetap)
- **Keuntungan Bukan Operasi:**
(Keuntungan Atas Jualan Aset Tetap)
- + **Pengurangan Aset Semasa:**
(Akaun Diterima, Perbelanjaan Prabayar, Inventori dan lain-lain)
- **Pertambahan Aset Semasa**
- + **Pertambahan Liabiliti Semasa:**
(Akaun Perlu Dibayar, Liabiliti Terakru, Cukai Perlu Dibayar dan lain-lain)
- **Pengurangan Liabiliti Semasa**
- = **Aliran Tunai Bersih daripada Aktiviti Operasi**



RAMALAN PENYATA ALIRAN TUNAI

Ramalan Penyata Aliran Tunai menunjukkan anggaran aliran tunai keluar dan masuk dalam sesuatu perniagaan. Ini termasuk semua jangkaan pendapatan dan perbelanjaan dalam suatu tempoh tertentu. Ramalan Penyata Aliran Tunai ini sangat berguna kepada usahawan kerana ia akan membantu anda untuk merancang perbelanjaan dan komitmen pembayaran kepada pihak tertentu.

Kita telah ada anggaran wang yang diperlukan sebagai modal untuk memulakan perniagaan, contohnya “wang keluar” untuk ABC Enterprise. Kita juga perlu membuat ramalan jumlah wang yang akan diperolehi daripada aktiviti perniagaan, contohnya jualan atau wang tunai tambahan. Jumlah yang diramalkan daripada jualan perlu ditunjukkan dengan tempoh masa yang tepat di bawah ruangan “wang masuk”. Hanya jualan tunai dan perbelanjaan tunai diambilkira dalam ramalan penyata aliran tunai.

Komponen Utama Ramalan Penyata Aliran Tunai:

Aliran Tunai Masuk

- Jualan tunai
- Bayaran daripada penghutang
- Modal tunai tambahan
- Wang pinjaman
- Komisen tunai
- Geran tunai



Aliran Tunai Keluar

- Kos permulaan perniagaan
- Pembelian aset
- Pembelian tunai stok / inventori
- Pembayaran kepada pemiutang / pembekal
- Pembayaran perbelanjaan pentadbiran
- Pembayaran perbelanjaan pemasaran
- Pembayaran perbelanjaan operasi seperti gaji, sewaan, pengangkutan dan sebagainya

FORMAT RAMALAN PENYATA ALIRAN TUNAI

Anda boleh menggunakan ramalan penyata aliran tunai untuk melihat jika perniagaan anda berkembang seperti yang dijangkakan. Penyata aliran tunai yang baik sentiasa menunjukkan nilai positif.

$$A - B = C$$

Aliran wang
tunai masuk

Aliran wang
tunai keluar

Lebihan /
(Defisit)

$$D + C = E$$

Baki daripada
bulan sebelumnya

Baki bawa ke
bulan hadapan

Langkah Membina Ramalan Penyata Aliran Tunai untuk Perniagaan Baru >>

Menentukan
Kos Perlaburan
Perniagaan



Menentukan
kapasiti dana anda



Menganggarkan
tempoh masa
penyaluran pinjaman



Menganggarkan
jualan





Menganggarkan kos



Menganggarkan
masa untuk
pembayaran



Meletakkan semua
anggaran di dalam
format ramalan
penyata aliran tunai



Menentukan Kapasiti Dana Anda

Nyatakan nilai kapasiti dana anda

Menggangguarkan Tempoh Masa Penyaluran Pinjaman

Proses pinjaman akan mengambil masa. Ramalan aliran tunai masuk daripada pinjaman akan memberi kesan ketara kepada penyata aliran tunai anda.



Anggaran Jualan

Anggaran jualan ialah perancangan tentang nilai jualan yang anda jangkakan pada masa akan datang, kebiasaannya dinyatakan bagi setiap bulan. Untuk perniagaan yang baru, anggaran jualan dibuat berdasarkan kepada maklumat daripada soal selidik pelanggan, kaji selidik pasaran, pembekal, pakar industri, prestasi perniagaan yang sama dan kapasiti operasi perniagaan anda. Bagi perniagaan yang telah stabil, anggaran jualan dibuat berdasarkan sejarah jualan terdahulu atau trend jualan.

Anggaran Kos

Anggaran kos ialah ramalan kepada semua perbelanjaan perniagaan. Ia boleh dianggarkan secara harian, bulanan atau tahunan.

Tempoh Masa Pembayaran

Tempoh masa untuk aliran tunai masuk dan keluar akan mempengaruhi kitar operasi perniagaan anda. Ini termasuklah tempoh masa jualan dan belian, pungutan jualan, syarat tempoh masa pembayaran kredit dan komitmen pembayaran lain.



Andaikan bahawa ABC Enterprise mempunyai anggaran yang berikut untuk tempoh setahun:

1. Kos pelaburan perniagaan : **RM74,232**
2. Keupayaan dana sendiri untuk : **RM15,000**
memulakan perniagaan
3. Permohonan pinjaman : **RM50,000**
4. Pinjaman akan diperolehi secara berfasa :
Bulan Pertama : **RM15,000**
Bulan Kedua : **RM10,000**
Bulan Ketiga : **RM25,000**
5. Pembayaran balik pinjaman : **Bulan ke-7 sebanyak**
akan bermula pada **RM1,500/bulan**

7. Anggaran Kos:

Kos dianggarkan berdasarkan jadual Kos Pelaburan Perniagaan (rujuk halaman 58). Kos untuk stok adalah 50% daripada anggaran jualan. Semua kos operasi dianggap tetap setiap bulan sepanjang tahun. Dengan menggunakan anggaran jualan A, mari kita masukkan semua anggaran kos ke dalam **Ramalan Penyata Aliran Tunai A**.

6. Anggaran Jualan (A) :

ANGGARAN JUALAN (A)	
Bulan	RM
1	5,000
2	5,000
3	10,000
4	12,000
5	12,000
6	12,000
7	15,000
8	15,000
9	15,000
10	18,000
11	18,000
12	18,000
Tahun 1	155,000

.....Ramalan Penyata Aliran Tunai A.....

TUNAI MASUK	Bulan				
	PraOperasi	1	2	3	4
Jualan Tunai		5,000	5,000	10,000	12,000
Dana Pemilik	15,000				
Pinjaman		15,000		10,000	
JUMLAH TUNAI MASUK	15,000	20,000	5,000	20,000	12,000
TUNAI KELUAR					
Pendaftaran Perniagaan	70				
Latihan & seminar	1,000				
Deposit Sewaan	2,400				
Deposit Utiliti	200				
Deposit Telefon	200				
Lesen Pihak Berkuasa	200				
Komputer		2,000			
Mesin faks		450			
Mesin #1		3,000			
Peralatan #2		2,000			
Perabot		5,000			
Pendingin hawa		1,000			
Pengubahsuaian (**)		10,000			
Promosi	500				
Gaji		3,800	3,800	3,800	3,800
KWSP & SOCSO		532	532	532	532
Sewaan Pejabat		1,200	1,200	1,200	1,200
Air & Elektrik		200	200	200	200
Telefon & Internet		150	150	150	150
Percetakan & Alat tulis		100	100	100	100
Pengangkutan		150	150	150	150
Petrol, Tol & Parkir		120	120	120	120
Baik pulih & Penyelenggaraan		300	300	300	300
Lain-lain		150	150	150	150
Stok Awal	6,000	2,500	2,500	5,000	6,000
Pembayaran Semula Pinjaman					
JUMLAH TUNAI KELUAR	10,570	32,652	9,202	11,702	12,702
Lebihan / (Defisit)	4,430	(12,652)	(4,202)	8,298	(702)
Baki daripada bulan sebelumnya	-	4,430	(8,222)	(12,424)	(4,217)
Baki bawa ke hadapan	4,430	(8,222)	(12,424)	(4,126)	(4,828)



	Bulan								Jumlah
	5	6	7	8	9	10	11	12	Tahun 1
	12,000	12,000	15,000	15,000	15,000	18,000	18,000	18,000	155,000
									15,000
	25,000								50,000
	37,000	12,000	15,000	15,000	15,000	18,000	18,000	18,000	220,000
TUNAI KELUAR									
									70
									1,000
									2,400
									200
									200
									200
									2,000
									450
									3,000
									2,000
									5,000
									1,000
									10,000
									500
	3,800	3,800	3,800	3,800	3,800	3,800	3,800	3,800	45,630
	532	532	532	532	532	532	532	532	6,384
	1,200	1,200	1,200	1,200	1,200	1,200	1,200	1,200	14,400
	200	200	200	200	200	200	200	200	2,400
	150	150	150	150	150	150	150	150	1,800
	100	100	100	100	100	100	100	100	1,200
	150	150	150	150	150	150	150	150	1,800
	120	120	120	120	120	120	120	120	1,440
	300	300	300	300	300	300	300	300	3,600
	150	150	150	150	150	150	150	150	1,800
	6,000	6,000	7,500	7,500	7,500	9,000	9,000	9,000	77,500
			1,500	1,500	1,500	1,500	1,500	1,500	9,000
	12,702	12,702	15,702	15,702	15,702	17,202	17,202	17,202	200,944
	24,298	(702)	(702)	(702)	(702)	798	798	798	19,056
	(4,828)	19,470	18,768	18,066	17,364	17,460	18,258	19,056	
	19,470	18,768	18,066	17,364	16,662	17,460	18,258	19,056	



Melalui anggaran dan andaian di atas, syarikat ABC Enterprise tidak boleh bertahan dalam bulan pertama operasi perniagaannya, walaupun di akhir tahun, syarikat ini akan memperoleh lebih sebanyak **RM19,056**.

Defisit boleh disebabkan oleh faktor yang berikut:



Modal yang kurang daripada pemilik



Anggaran jualan yang kurang untuk 4 bulan pertama



Tempoh pembelian aset-aset tertentu



Meletakkan jumlah anggaran yang rendah untuk pinjaman pertama diperolehi



Anggaran kos operasi yang berlebihan

Usahawan perlu menggunakan ramalan penyata aliran tunai ini sebagai sebahagian daripada proses perancangan perniagaan berterusan. Kita boleh menggubah anggaran ini supaya sesuai dengan keperluan semasa aliran tunai perniagaan. Sasaran diletakkan supaya anda boleh berusaha untuk memperoleh lebih tunai harian, bulanan atau tahunan yang ideal.

Andaikan bahawa ABC Enterprise telah menyemak semula anggaran dan sasarannya untuk tempoh setahun:

1. Anggaran jualan untuk bulan pertama dan kedua adalah **DUA KALI GANDA**.
2. Kos pengubahsuaian untuk dibayar ialah 50% pada bulan pertama dan baki dibayar pada bulan ketiga.
3. Pemilik menambah dana awal sebanyak **RM5,000**.
4. Perkara lain dikekalkan.

Dengan menggunakan anggaran yang baharu, mari kita masukkan semua anggaran kos ke dalam **Ramalan Penyata Aliran Tunai B**.



ANGGARAN JUALAN (B)	
Bulan	RM
1	10,000
2	10,000
3	10,000
4	12,000
5	12,000
6	12,000
7	15,000
8	15,000
9	15,000
10	18,000
11	18,000
12	18,000
Tahun 1	165,000

.....Ramalan Penyata Aliran Tunai B.....

TUNAI MASUK	Bulan				
	PraOperasi	1	2	3	4
Jualan Tunai	20,000	10,000	10,000	10,000	12,000
Dana Pemilik					
Pinjaman	20,000	15,000		10,000	
JUMLAH TUNAI MASUK		25,000	10,000	20,000	12,000
TUNAI KELUAR 70					
Pendaftaran Perniagaan	1,000				
Latihan & seminar	2,400				
Deposit Sewaan	200				
Deposit Utiliti	200				
Deposit Telefon	200				
Lesen Pihak Berkuasa					
Komputer		2,000			
Mesin faks		450			
Mesin #1		3,000			
Peralatan #2		2,000			
Perabot		5,000			
Pendingin hawa		1,000			
Pengubahsuaian (**)	500	5,000		5,000	
Promosi					
Gaji		3,800	3,800	3,800	3,800
KWSP & SOCSO		532	532	532	532
Sewaan Pejabat		1,200	1,200	1,200	1,200
Air & Elektrik		200	200	200	200
Telefon & Internet		150	150	150	150
Percetakan & Alat tulis		100	100	100	100
Pengangkutan		150	150	150	150
Petrol, Tol & Parkir		120	120	120	120
Baik pulih & Penyelenggaraan		300	300	300	300
Lain-lain		150	150	150	150
	6,000				
Stok Awal		5,000	5,000	5,000	6,000
Pembayaran Semula Pinjaman	10,570				
JUMLAH TUNAI KELUAR		30,152	11,702	16,702	12,702
	9,430				
Lebihan / (Defisit)	-	(5,152)	(1,702)	3,298	(702)
Baki daripada bulan sebelumnya	9,430	9,430	4,278	2,576	5,874
Baki bawa ke hadapan		4,278	2,576	5,874	5,172

Bulan								Jumlah
5	6	7	8	9	10	11	12	Tahun 1
12,000	12,000	15,000	15,000	15,000	18,000	18,000	18,000	165,000
								20,000
25,000								50,000
37,000	12,000	15,000	15,000	15,000	18,000	18,000	18,000	235,000
TUNAI KELUAR 70								
								70
								1,000
								2,400
								200
								200
								200
								2,000
								450
								3,000
								2,000
								5,000
								1,000
								10,000
								500
3,800	3,800	3,800	3,800	3,800	3,800	3,800	3,800	45,600
532	532	532	532	532	532	532	532	6,384
1,200	1,200	1,200	1,200	1,200	1,200	1,200	1,200	14,400
200	200	200	200	200	200	200	200	2,400
150	150	150	150	150	150	150	150	1,800
100	100	100	100	100	100	100	100	1,200
150	150	150	150	150	150	150	150	1,800
120	120	120	120	120	120	120	120	1,440
300	300	300	300	300	300	300	300	3,600
150	150	150	150	150	150	150	150	1,800
6,000	6,000	7,500	7,500	7,500	9,000	9,000	9,000	82,500
		1,500	1,500	1,500	1,500	1,500	1,500	9,000
12,702	12,702	15,702	15,702	15,702	17,202	17,202	17,202	205,944
24,298	(702)	(702)	(702)	(702)	798	798	798	29,056
5,172	29,470	28,768	28,066	27,364	26,662	27,460	28,258	
29,470	28,768	28,066	27,364	26,662	27,460	28,258	29,056	




Melalui anggaran dan andaian yang baharu di atas, syarikat ABC Enterprise akan mempunyai aliran wang tunai yang positif sepanjang tahun dengan baki **RM29,056.00** pada hujung tahun.

PENGURUSAN KEWANGAN MELALUI RAMALAN PENYATA ALIRAN TUNAI

Antara kepentingan untuk menyediakan ramalan penyata aliran tunai kepada syarikat baharu dan perniagaan sedia ada adalah seperti berikut:

Penyata aliran tunai melaporkan semua aliran tunai masuk dan keluar bagi tempoh perakaunan yang tertentu. Ia menunjukkan perubahan modal daripada awal tahun dan dipecahkan mengikut sumber dan penggunaan wang tersebut. Ia juga berdasarkan 3 kategori utama: Perbelanjaan Tidak Berulang, Aset Tetap dan Operasi Modal Kerja.

Maklumat daripada penyata aliran tunai turut menerangkan setiap perubahan transaksi di dalam penyata kedudukan kewangan (penyataimbangan), dan Penyata Pendapatan Komprehensif (Penyata Untung Rugi).



Penyata Pendapatan Komprehensif (Penyata Untung Rugi)

Akaun Pendapatan

Pendapatan adalah aset yang diperoleh daripada operasi syarikat dan aktiviti perniagaan. Pendapatan termasuk tunai yang diterima oleh syarikat selepas jualan produk dan perkhidmatan. Ini termasuk Jualan, Pendapatan, Sewa Diterima, Faedah Diterima, Dividen Diterima.

Akaun Perbelanjaan

Perbelanjaan adalah wang yang dibelanjakan ke atas operasi perniagaan seperti Gaji, Sewaan, Penyelenggaraan, Susut Nilai, Pengiklanan, Kebajikan dan sebagainya.

JENIS AKAUN

Terdapat 5 jenis akaun yang utama. 2 akaun di dalam Penyata Pendapatan Komprehensif (Penyata Untung Rugi) dan 3 akaun di dalam Penyata Kedudukan Kewangan (Penyata Imbangan).

Penyata Kedudukan Kewangan (Penyata Imbangan)

Akaun Aset

Akaun ini merekodkan semua aset yang dimiliki oleh syarikat dan mempunyai nilai. Terdapat **2 jenis akaun aset** iaitu **Aset Tetap** (Tanah dan Bangunan, Mesin, Peralatan, Perabot, Kelengkapan Pejabat); dan **Aset Semasa** (Wang Tunai, Baki di Bank, Stok Terakhir, Akaun Penghutang, Prabayar, Deposit).

Akaun Liabiliti

Akaun liabiliti mewakili jumlah hutang syarikat. Terdapat **2 jenis akaun liabiliti** iaitu **Jangka Panjang** (Akaun Pinjaman Tetap); dan **Jangka Pendek** (Akaun Pemiutang, Overderaf, Akruan untuk tempoh tertentu).

Akaun Modal

Ekuiti ialah jumlah wang yang telah dilaburkan dalam sebuah perniagaan, jumlah duit yang dijana oleh syarikat atau yang telah dibayar kepada pelabur. Ekuiti pemilik mewakili jumlah nilai kewangan di dalam Tunai atau Aset pemilik perniagaan. Ia terdiri daripada Modal dan Keuntungan Berkumpul.

ABC ENTERPRISE

ANGGARAN UNTUNG DAN RUGI BAGI TAHUN BERAKHIR 31/12/2016

PENDAPATAN		RM 165,000
KOS JUALAN		
Stok Awal	RM 6,000	
Pembelian (+)	RM 82,500	
Stok Akhir (-)	RM 00.000	
Kos Produk Dijual	(-) RM 88,500	
KEUNTUNGAN KASAR	RM 76,500	
PERBELANJAAN OPERASI		
Pendaftaran Perniagaan	RM 70	
Latihan & Seminar	RM 1,000	
Lesen Pihak Berkuasa	RM 200	
Promosi	RM 500	
Gaji	RM 45,600	
KWSP & SOCSO	RM 6,384	
Sewaan Pejabat	RM 14,400	
Air & Elektrik	RM 2,400	
Telefon & Internet	RM 1,800	
Percetakan & Alat tulis	RM 1,200	
Pengangkutan	RM 1,800	
Petrol, Tol & Parkir	RM 1,440	
Pembaikpulihan & Penyelenggaraan	RM 3,600	
Lain-lain	RM 1,800	
Susut Nilai	RM 3,645	
JUMLAH PERBELANJAAN OPERASI	(-) RM 85,839	
UNTUNG / RUGI BERSIH (sebelum cukai)	RM (9,339)	

PENYATA PENDAPATAN KOMPREHENSIF (PENYATA UNTUNG RUGI)

Penyata Pendapatan Komprehensif (Penyata Untung Rugi) ialah penyata kewangan yang merumuskan pendapatan, kos dan perbelanjaan yang terlibat untuk satu tempoh masa tertentu.

WANG DIPERLUKAN UNTUK MENGHASILKAN WANG

Dengan mengetahui jumlah kos pelaburan perniagaan, usahawan perlu berusaha untuk mencari dana untuk menampung kos tersebut. Antara sumber dana yang boleh diperolehi adalah seperti berikut:



Pembiayaan perniagaan menggunakan tabungan sendiri adalah lebih baik kerana anda tidak perlu berurusan dengan pihak lain. Walaubagaimanapun, anda mungkin tidak mempunyai jumlah modal yang mencukupi untuk satu tempoh masa tertentu, oleh itu sumber dana lain boleh dipertimbangkan.

Kebiasaannya, perniagaan yang memerlukan kos permulaan yang besar akan melibatkan urusan pinjaman daripada pihak institusi kewangan. Usahawan perlu menyediakan pelan pembayaran balik dalam tempoh masa tertentu sekiranya meminjam daripada pelabur luar. Terdapat kemungkinan yang tinggi pemilik perniagaan perlu menyerahkan sebahagian daripada pemilikannya kepada pelabur.

PERLU TAHU

5 Kriteria untuk Pinjaman

1. **Sejarah Kredit** – reputasi peminjam melalui rekod pembayaran hutang
2. **Kapasiti** – mengukur keupayaan peminjam untuk membayar semula pinjaman
3. **Modal** – tahap keseriusan peminjam adalah berdasarkan kepada jumlah modal awal yang dikeluarkan untuk pelaburan yang berpotensi
4. **Cagaran** – sebagai jaminan kemampuan peminjam untuk membayar balik jumlah pinjaman tersebut kepada pemberi pinjaman
5. **Syarat-syarat** – contohnya kadar faedah dan jumlah pokok untuk mempengaruhi keinginan pemberi pinjaman untuk membiayai peminjam

Sumber: <http://www.investopedia.com>

Menggunakan format jadual Kos Pelaburan Perniagaan yang sama, tambah satu ruangan ‘**Sumber Dana**’:

Berdasarkan kepada jadual di sebelah, daripada kos pelaburan perniagaan sebanyak **RM60,712**, sejumlah **RM13,520** akan dibiayai oleh pemilik dan baki akan dibiayai oleh pihak ketiga.

RUJUK PENYATA PENDAPATAN KOMPREHENSIF (PENYATA UNTUNG RUGI) :

Margin Keuntungan Kasar = Untung Kasar / Pendapatan
 = RM76,500 / RM165,000
 = 0.46364
 = **46%**

Pendapatan Pulang Modal = (Jumlah Perbelanjaan Operasi – Susut Nilai) / Margin Keuntungan Kasar
 = (RM85,839 – RM3,645) / 46 %
 = RM82,194 / 46 %
 = **RM178,682**

ABC ENTERPRISE	Sumber Dana	
	Sendiri	Pinjaman
Kos	RM	RM
A Kos Tidak Berulang		
1. Kos untuk menubuhkan entiti perniagaan		
• Pendaftaran syarikat	70	
• Latihan & seminar	1,000	
Jumlah	1,070	
2. Perbelanjaan premis / lokasi perniagaan		
• Deposit Sewaan	2,400	
• Deposit utiliti air dan elektrik	200	
• Deposit telefon dan internet	200	
• Lesen pihak berkuasa	200	
Jumlah	3,000	
3. Kos aset tetap dan peralatan perniagaan		
• Komputer	2,000	
• Mesin faks	450	
• Mesin #1		3,000
• Peralatan #2		2,000
• Perabot		5,000
• Pendingin hawa	1,000	
• Pengubahsuaian		10,000
Jumlah	3,450	20,000
4. Kos Pemasaran dan Promosi		
• Promosi		500
Jumlah		500
B Kos operasi dan modal kerja		Kos 6 Bulan
• Gaji		22,800
• KWSP & SOCSO		3,192
• Sewaan pejabat		7,200
• Air dan elektrik		1,200
• Telefon dan internet		900
• Percetakan dan alat tulis		600
• Pengangkutan		900
• Petrol, tol dan parkir		720
• Pembaikan dan penyelenggaraan		1,800
• Lain-lain		900
Jumlah		40,212
C Stok Awal	6,000	
Jumlah Kos Pelaburan Perniagaan (A+B+C)	13,520	60,712

Apakah itu Margin Keuntungan Kasar?

Margin Keuntungan Kasar ialah perbezaan antara pendapatan dan kos produk dijual (termasuk kos bahan mentah, pembungkusan dan pengeluaran) atau Untung Kasar dibahagi dengan Pendapatan dan ditulis dalam bentuk peratus. Fungsi margin adalah untuk menentukan nilai peningkatan jualan, panduan meletakkan harga dan keperluan untuk promosi.

Apakah Pendapatan Pulang Modal?

Pulang Modal ialah peringkat di mana perniagaan telah mendapat kembali kosnya. Ia merujuk kepada bilangan unit produk yang perlu dijual atau jumlah jualan yang perlu dicapai oleh perniagaan untuk mengatasi kos. Pulang Modal juga boleh dikatakan sebagai titik di mana jumlah kos dan jumlah pendapatan adalah sama, tidak untung dan tidak rugi. Tujuan analisis Pulang Modal adalah untuk menentukan hasil minima yang diperlukan bagi sesuatu perniagaan itu mencapai keuntungan.



APA ITU?

Apa itu Kos Produk Telah Dijual?

Ia adalah Harga Belian produk yang telah dijual dalam satu tempoh perakaunan.

Contoh : $\text{Stok Awal (+) Belian (=) Kos Produk Untuk Dijual}$
 $(-) \text{Stok Akhir (=) Kos Produk Telah Dijual}$

.....

Apa Itu Untung Kasar?

Ia adalah perbezaan antara Pendapatan dan Kos Produk Telah Dijual.

Contoh : $\text{Pendapatan} - \text{Kos Produk Telah Dijual} = \text{Untung Kasar}$

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN (PENYATA IMBANGAN)

Penyata Kedudukan Kewangan (Penyata Imbangan) ialah penyata kewangan yang menunjukkan nilai perniagaan tersebut untuk satu tempoh tertentu. Ia juga menunjukkan jumlah aset yang dimiliki oleh syarikat tersebut, jumlah nilai liabiliti dan juga jumlah nilai ekuiti pemilik. Penyata kedudukan kewangan (Penyata Imbangan) mempunyai nilai yang seimbang di kedua-dua bahagian kiri dan kanan (**Jumlah Bersih Aset = Jumlah Bersih Ekuiti**).

ABC ENTERPRISE ANGGARAN PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN (PENYATA IMBANGAN) UNTUK TAHUN BERAKHIR 31/12/2016

ASET TETAP	KOS (RM)	KADAR SUSUT NILAI	SUSUT NILAI (RM)	NILAI BERSIH (RM)
Komputer	2,000	50 %	1,000	1,000
Mesin Faks	450	10 %	45	405
Mesin #1	3,000	20 %	600	2,400
Peralatan #2	2,000	20 %	400	1,600
Perabot	5,000	10 %	500	4,500
Pendingin Hawa	1,000	10 %	100	900
Pengubahsuaian	10,000	10 %	1,000	9,000
JUMLAH (A)	23,450		3,645	19,805
ASET SEMASA				
Penghutang	0			
Deposit	2,800			
Tunai di Tangan	29,058			
Stok Akhir	0			
JUMLAH (B)	31,856			
LIABILITI SEMASA				
			KOS	NILAI BERSIH (RM)
Pemiutang			0	
Overdraf			0	
Akruan			0	
JUMLAH (C)			00,000	
ASET SEMASA TOLAK LIABILITI (B - C)				31,856
JUMLAH BERSIH ASET [Nilai Bersih A + (B - C)]				51,661



EKUITI	KOS	NILAI BERSIH (RM)
Modal (Dana Pemilik)	20,000	
Keuntungan Terkumpul (dari tahun sebelumnya)		-
Keuntungan Bersih Tahunan	(9,339)	
JUMLAH		10,661
LONG TERM LIABILITY		
Pinjaman	50,000	
Pembayaran Balik Pinjaman (-)	9,000	
JUMLAH		41,000
JUMLAH BERSIH EKUITI		51,661

AKAUN PENGUMURAN

Pengumuran Penghutang adalah laporan senarai inbois kepada pelanggan yang masih belum dibayar dan digunakan sebagai rujukan untuk pengutipan bayaran tersebut daripada pelanggan.

Nama Pelanggan	Jumlah Belum Terima (RM)	30 Hari	60 Hari	90 Hari	90 Hari +
Bisnet Enterprise	8,000	5,000	3,000		
Kipas Emas Trading	15,000	5,000	5,000	5,000	
Sulam Resources	23,000		5,000	10,000	8,000
Vavavom Corp.	3,000	5,000	5,000	3,000	10,000
Jumlah	59,000	15,000	18,000	18,000	18,000

Pengumuran Pemiutang pula adalah laporan senarai inbois daripada pembekal yang masih belum dibayar dan lazimnya diperincikan dalam satu tempoh masa pembayaran seperti contoh di sebelah

Nama Pembekal	Jumlah Perlu Dibayar (RM)	30 Hari	60 Hari	90 Hari	90 Hari +
Logan Computer	2,450	2,450			
Ming Machinerics	5,000	5,000			
Rahmat Furniture	6,000	6,000			
Megah Renovation	10,000	5,000		5,000	
Jumlah	23,450	18,450		5,000	

MEMAHAMI PERCUKAIAN

Di Malaysia, Akta Cukai Pendapatan 1967 ialah undang-undang yang mengawal cukai pendapatan. Seksyen 3 dalam Akta ini memperuntukkan bahawa transaksi yang termasuk dalam skop percukaian akan dikenakan cukai pendapatan.

Cukai pendapatan di Malaysia dikenakan dalam bentuk pendapatan terakru yang diperoleh di Malaysia kecuali pendapatan daripada syarikat permastautin yang mengendalikan perniagaan yang tertakluk kepada skop pendapatan dunia seperti pengangkutan udara / laut, perbankan atau insurans.

TAHUN TAKSIRAN

Pendapatan dinilai berdasarkan tahun semasa. Tahun Taksiran ialah tahun mengikut kalendar tahunan sebagai contoh Tahun Taksiran 2017 adalah berakhir pada 31 Disember 2017.

Kebiasaannya tempoh tahun berakhir bagi syarikat, koperasi dan badan amanah adalah pada tahun taksiran tersebut. Pendapatan diperoleh setiap individu dalam sesebuah syarikat, koperasi dan badan amanah ditaksirkan berdasarkan tahun kalendar. Sebagai contoh:

**Akaun Pemilikan
Tunggal/ Perkongsian**

Bagi tahun berakhir 31 Disember 2017
(Tahun Taksiran 2017)

Syarikat

Akaun Tahunan Berakhir 31 Disember 2017
(Tahun Taksiran 2017) dan Akaun Tahunan
Berakhir 30 Jun 2017 (Tahun Taksiran 2017)

PENDAPATAN BERCUKAI

Umumnya, pembayar cukai perlu membayar cukai untuk setiap perolehan termasuk pendapatan daripada:

- a) Perniagaan atau Profesion
- b) Pekerjaan
- c) Dividen
- d) Faedah
- e) Diskaun
- f) Sewa
- g) Royalti
- h) Premium
- i) Pencen
- j) Anuiti
- k) Lain-lain

Oleh itu, setiap perolehan atau keuntungan yang diperoleh daripada sesuatu perniagaan akan dikenakan cukai.

Tanggungjawab

1. Mendaftar sebagai pembayar cukai (jika layak) dan boleh dilakukan melalui e-daftar di www.hasil.org.my.
2. Untuk Syarikat, perlu melengkapkan dan menghantar **Borang B** (Pemilikan Tunggal) and **Borang P** (Perkongasian).
3. Setiap rakan kongsi perlu melaporkan **bahagian pendapatannya** dalam **Borang B**.
4. **Borang B** hendaklah diisi oleh individu yang **menetap di Malaysia** dan **memiliki perniagaan**.
5. **Tarikh akhir** penghantaran **Borang B** adalah pada **30 Jun** setiap tahun. Penghantaran melalui **e-Hasil** adalah lebih mudah. Walaubagaimanapun, anda perlu memahami jargon yang terdapat dalam borang tersebut sebelum mengisi dan menghantarnya.
6. Anda juga perlu melengkapkan dan menghantar **Borang C** (*Return Form of a Company*) sebelum akhir bulan ke-7 selepas tahun kewangan berakhir.
7. **Sila simpan semua** rekod perniagaan, dokumen sokongan bagi pemotongan, pelepasan dan rebat untuk tempoh 7 tahun.
8. **Rekod perniagaan** adalah termasuk akaun untung rugi, penyata kedudukan kewangan (penyataimbangan), rekod jualan, rekod pembelian, resit saham, bil dan penyata bank.
9. Sekiranya perlu, **lantik perunding perakaunan yang berkeelayakan** atau **ejen percukaian** untuk membantu anda menguruskan dokumen berkaitan cukai pendapatan.

PENGIRAAN CUKAI

Pengiraan cukai bermula dari penyata pendapatan syarikat yang telah disediakan mengikut Piawaian Perakaunan Malaysia. Bagi sesebuah syarikat, laporan telah diaudit hendaklah disediakan terlebih dahulu sebelum pengiraan cukai dibuat.

Dalam pengiraan pendapatan untuk percukaian, Seksyen 5 dalam Akta Percukaian telah menggariskan panduan skop pendapatan bercukai, berdasarkan tempoh, penentuan pendapatan kasar, pelarasan pendapatan, pendapatan berkanun, pendapatan agregat dan jumlah pendapatan minimum untuk dicukaikan.



Pendapatan Kasar termasuk:


- a) Terimaan tunai daripada jualan barangan atau perkhidmatan yang disediakan.
- b) Semua hutang yang ditanggung daripada jualan barangan dan perkhidmatan yang disediakan.
- c) Terimaan dalam bentuk hadiah.
- d) Pemulihan hutang lapuk.
- e) Pampasan insurans yang diterima atas kerugian perniagaan.
- f) Pengeluaran stok perniagaan atau stok untuk kegunaan peribadi.

Pelarasan Pendapatan daripada Sumber Perniagaan dikira daripada pendapatan kasar setelah ditolak perbelanjaan perniagaan seperti:

- a) Perbelanjaan perniagaan yang dibenarkan.
- b) Perbelanjaan tertentu yang dibenarkan.
- c) Perbelanjaan potongan dua kali yang dibenarkan di bawah Akta Cukai Pendapatan 1967.

“ Sebuah hutang yang kecil akan menghasilkan seorang penghutang yang besar – seorang musuh!

Publilius Syrus,
Latin writer



Perbelanjaan perniagaan perlu memenuhi semua syarat berikut untuk menjamin potongan pendapatan kasar adalah daripada sumber perniagaan:

- a) Setiap sumber perniagaan hendaklah dikira secara berasingan
- b) Skop perbelanjaan adalah merujuk kepada 'wang keluar dan perbelanjaan'
- c) Perbelanjaan yang 'menyeluruh dan eksklusif'
- d) Pendapatan kasar yang diperoleh daripada sumber perniagaan

Contoh:

Dibenarkan	Tidak Dibenarkan
Perbelanjaan yang ditanggung untuk menghasilkan pendapatan. Contoh: <ul style="list-style-type: none">• Pembayaran upah dan gaji• Pembayaran KWSP• Sewaan premis perniagaan• Faedah daripada pinjaman perniagaan• Perbelanjaan untuk pembaikan premis dan kenderaan untuk tujuan kegunaan perniagaan	Perbelanjaan peribadi Contoh: <ul style="list-style-type: none">• Manfaat penginapan• Pembayaran bil telefon
	Pembelian aset peribadi Contoh: <ul style="list-style-type: none">• Kereta peribadi• Perabot
	Perbelanjaan permulaan Contoh: <ul style="list-style-type: none">• Perbelanjaan untuk menubuhkan perniagaan• Perbelanjaan pengiklanan

**Penafian: Perbelanjaan yang dibenarkan dan tidak dibenarkan adalah berbeza-beza bagi satu tempoh masa*

PEMOTONGAN KHAS (PERBELANJAAN KHUSUS)

Seksyen 34(6) memperuntukkan perbelanjaan tertentu dibenarkan untuk pemotongan walaupun perbelanjaan tersebut tidak memenuhi kriteria perbelanjaan perniagaan yang dibenarkan. Perbelanjaan ini digalakkan oleh pihak Kerajaan untuk mencapai beberapa objektif negara yang akan membawa kepada manfaat sosial dan orang ramai.

- a) Perbelanjaan yang terlibat dalam menyediakan kemudahan untuk pekerja dalam kategori orang kelainan upaya (OKU).
- b) Perbelanjaan yang terlibat dalam penerbitan ke dalam Bahasa Kebangsaan.
- c) Derma kepada perpustakaan.
- d) Perbelanjaan yang terlibat untuk menyediakan perkhidmatan, kemudahan awam dan sumbangan kepada projek amal dan komuniti.
- e) Perbelanjaan yang terlibat untuk menyediakan kemudahan dan penyelenggaraan pusat jagaan kanak-kanak bagi pekerja.
- f) Perbelanjaan yang terlibat untuk menubuhkan dan menguruskan kumpulan muzik atau kebudayaan.
- g) Perbelanjaan yang terlibat untuk menaja mana-mana acara kebudayaan dan kesenian.

PEMOTONGAN DUA KALI

Terdapat perbelanjaan tertentu diberikan intensif pemotongan dua kali bagi setiap tahun taksiran berkenaan.

ELAUN MODAL

Diberikan sebagai potongan daripada pendapatan perniagaan sebagai perbelanjaan susut nilai yang ditanggung untuk pembelian aset perniagaan.

- a) Contoh aset yang digunakan dalam perniagaan adalah kenderaan bermotor, mesin, peralatan pejabat, perabot dan komputer.
- b) Syarat-syarat untuk menuntut elaun modal adalah:
 - Menjalankan perniagaan
 - Pembelian aset perniagaan
 - Aset yang digunakan dalam perniagaan
 - Pemilik aset
- c) Kadar ditentukan mengikut jenis aset.
- d) Jenis dan kadar elaun modal adalah seperti berikut:

Jenis Elaun	Jenis Aset	Kadar
Elaun Permulaan	Semua jenis aset	20 %
Elaun Tahunan	Kenderaan bermotor dan mesin berat	20 %
	Loji dan jentera	14 %
	Peralatan pejabat, perabot dan kelengkapan	10 %
	Komputer	40 %

DERMA YANG DILULUSKAN

Derma yang diluluskan adalah derma yang termaktub di bawah Seksyen 44(6) Akta Cukai Pendapatan 1967. Hadiah wang kepada Kerajaan, Kerajaan Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan atau institusi atau organisasi yang diluluskan hendaklah diberi potongan daripada jumlah pendapatan. Jumlah derma kepada insititusi atau organisasi yang diluluskan adalah terhad kepada 10% pendapatan agregat tahunan syarikat.



Contoh format pengiraan cukai adalah seperti berikut:

PENGIRAAN CUKAI PENDAPATAN		RM
Keuntungan bersih tahun terakhir		50,240
Tolak pendapatan bukan dari perniagaan	(-)	14,400
Tambah potongan yang tidak dibenarkan	(+)	30,000
Tolak Potongan Khusus	(-)	3,600
Tolak Potongan Dua Kali	(-)	2,400
<hr/>		
Pendapatan atau kerugian perniagaan yang dilaraskan		59,840
Tolak Elaun Modal	(-)	32,600
<hr/>		
Pendapatan berkanun atau pendapatan perniagaan		27,240
Tambah pendapatan Berkanun dari perniagaan lain	(+)	10,540
<hr/>		
Agregat pendapatan statutori dari perniagaan		37,780
Tambah lain-lain pendapatan bukan perniagaan	(+)	20,000
<hr/>		
Agregat pendapatan		57,780
Tolak derma yang diluluskan	(-)	500
<hr/>		
JUMLAH PENDAPATAN YANG KENA CUKAI		xxx,xxx

KADAR CUKAI SYARIKAT

Cukai pendapatan syarikat di Malaysia dikenakan ke atas syarikat pemastautin dan bukan pemastautin. Bermula Tahun Taksiran 2016, kadar cukai yang dikenakan adalah 24% manakala syarikat bersaiz kecil dengan modal berbayar tidak melebihi RM2.5 juta dikenakan cukai seperti berikut:

Pendapatan Bercukai	Tahun Taksiran 2016
RM500,00 pertama	18%
Melebihi RM500,000	24%

NOTA

Perniagaan Perkongsian Liabiliti Terhad (PLT) dikenakan kadar cukai seperti Syarikat Sendirian Berhad. Walaubagaimanapun, PLT tidak layak menerima beberapa insentif tertentu yang diberikan secara eksklusif kepada syarikat. Sebagai contoh, di bawah Akta Penggalakan Pelaburan 1986, hanya syarikat layak menerima insentif yang diperuntukkan.

KADAR CUKAI PEMILIKAN TUNGGAL ATAU PERKONGSIAN

Kadar cukai perniagaan pemilikan tunggal atau perkongsian akan mengikut kadar cukai individu. Dalam perniagaan pemilikan tunggal, pendapatan bercukai perniagaannya adalah pendapatan individu. Manakala, pendapatan bercukai bagi perniagaan perkongsian dibahagi sama rata antara rakan kongsi dan individu. Setiap individu, pemilik tunggal atau rakan kongsi boleh menerima hak pelepasan. Pelepasan adalah seperti yang berikut:

No.	Jenis Pelepasan Individu	Jumlah (RM)
1	Diri sendiri dan tanggungan	9,000
2	Perbelanjaan perubatan dan ibu bapa ATAU Ibu atau Bapa Terhad 1,500 untuk 1 ibu sahaja Terhad 1,500 untuk 1 bapa sahaja	5,000 (Terhad) ATAU 3000 (Terhad)
3	Peralatan sokongan asas	6,000 (Terhad)
4	Individu kurang upaya	6,000
5	Yuran pendidikan (Individu)	7,000 (Terhad)
6	Perbelanjaan perubatan untuk penyakit serius	6,000 (Terhad)
7	Pemeriksaan kesihatan lengkap	500 (Terhad)
8	Pembelian buku, jurnal, majalah dan penerbitan	1,000 (Terhad)
9	Pembelian komputer peribadi (3 tahun sekali)	3,000 (Terhad)
10	Jumlah simpanan dalam skim SSPN (berkuatkuasa bagi Tahun Taksiran 2012 hingga Tahun Taksiran 2017)	6,000 (Terhad)



No.	Jenis Pelepasan Individu	Jumlah (RM)
11	Pembelian peralatan sukan untuk aktiviti sukan	300 (Terhad)
12	<p>Faedah yang dibelanjakan daripada pembelian harta kediaman. Pelepasan adalah sehingga RM10,000 setahun untuk tiga tahun berturut-turut bermula daripada tahun pertama faedah tersebut dibayar.</p> <p>Tertakluk kepada syarat-syarat berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> a) pembayar cukai adalah rakyat Malaysia dan permastautin tetap; b) terhad kepada satu unit kediaman; c) perjanjian jual beli ditandatangani antara 10 Mac 2009 dan 31 Disember 2010; dan d) kediaman tersebut tidak disewakan. <p>Di mana:</p> <ul style="list-style-type: none"> i) 2 atau lebih individu adalah layak untuk menuntut pelepasan untuk kediaman yang sama; dan ii) jumlah faedah yang dibelanjakan oleh individu tersebut melebihi jumlah yang dibenarkan bagi tahun tersebut. <p>Setiap individu dibenarkan sejumlah pelepasan bagi setiap tahun berdasarkan formula pengiraan berikut:</p> <p>$A \times (B/C)$ di mana;</p> <p>A = jumlah faedah dibenarkan dalam tahun tersebut;</p> <p>B = jumlah faedah yang dibelanjakan oleh individu tersebut dalam tahun tersebut;</p> <p>C = jumlah faedah yang dibelanjakan oleh semua individu.</p>	10,000 (Terhad)
13	Suami/Isteri/Pembayaran Nafkah	4,000 (Terhad)



14	Isteri/Suami Kurang Upaya	3,500
15	Pelepasan anak biasa	2,000
16	Anak yang belum berkahwin dan berumur 18 tahun ke atas dan menerima pendidikan sepenuh masa ("A-Level", sijil, matrikulasi atau kursus persediaan).	2,000
17	Anak yang belum berkahwin dan berumur 18 tahun ke atas yang: a) menerima pendidikan lanjutan di Malaysia berkaitan dengan taraf diploma atau lebih tinggi (tidak termasuk kursus persediaan matrikulasi); b) menerima pendidikan lanjutan di luar Malaysia berkaitan dengan taraf ijazah atau setaraf (termasuk Master dan Doktor Falsafah); dan c) kursus dan institusi pengajian tinggi yang diiktiraf oleh pihak berkuasa Kerajaan yang berkaitan.	8,000

18	<p>Anak kurang upaya</p> <hr/> <p>Pengecualian tambahan RM8,000 untuk anak kurang upaya berumur 18 tahun dan ke atas, belum berkahwin dan mengikuti pengajian diploma atau kelayakan yang lebih tinggi dalam Malaysia atau Ijazah Sarjana Muda atau kelayakan lebih tinggi di Institut Pengajian Tinggi luar negara yang diiktiraf oleh pihak Kerajaan.</p>	6,000
19	Insurans Nyawa dan KWSP	6,000 (Terhad)
20	Anuiti tertunda dan Skim Persaraan Swasta (PRS) - berkuatkuasa mulai Tahun Taksiran 2012 hingga Tahun Taksiran 2021	3,000 (Terhad)
21	Premium insurans untuk manfaat pendidikan atau pendidikan	3,000 (Terhad)
22	Sumbangan kepada Pertubuhan Keselamatan Sosial (SOCSO)	250 (Terhad)

Jumlah pelepasan yang dikenal pasti akan ditolak daripada jumlah pendapatan/
pendapatan bercukai daripada perniagaan. Pengiraan cukai yang dikenakan
berdasarkan kadar cukai berikut:

TAHUN TAKSIRAN 2016

Pendapatan Bercukai	Pengiraan (RM)	Kadar %	Cukai (RM)
0 - 5,000	2,500 yang pertama	0	0
5,001 - 20,000	5,000 yang pertama 15,000 seterusnya	1	0 150
20,001 - 35,000	20,000 yang pertama 15,000 seterusnya	5	150 750
35,001 - 50,000	35,000 yang pertama 15,000 seterusnya	10	900 1,500
50,001 - 70,000	50,000 yang pertama 20,000 seterusnya	16	2,400 3,200
70,001 - 100,000	70,000 yang pertama 30,000 seterusnya	21	5,600 6,300

Pendapatan Bercukai	Pengiraan (RM)	Kadar %	Cukai (RM)
100,001 - 250,000	100,000 yang pertama 150,000 seterusnya	24	11,900 36,000
250,001 - 400,000	250,000 yang pertama 150,000 seterusnya	24.5	47,900 36,750
400,001 - 600,000	400,000 yang pertama 200,000 seterusnya	25	84,650 50,000
600,001 - 1,000,000	600,000 yang pertama 400,000 seterusnya	26	134,650 104,00
Melebihi 1,000,000	1,000,000 ringgit seterusnya	28	238,650 xxx,xxx

Contoh:

Pendapatan Bercukai ialah RM300,000.

Pendapatan Bercukai	Cukai Dibayar
RM250,000 yang pertama	RM 47,900
RM50,000 seterusnya @ 24.5%	RM 12,250
Jumlah Cukai Dibayar	RM 60,150

REBAT CUKAI

Rebat cukai ditolak daripada jumlah sebenar cukai yang dikenakan. Terdapat dua jenis rebat cukai iaitu:



Rebat Cukai Suami/Isteri sebanyak RM400 untuk pembayar cukai dengan pendapatan bercukai kurang daripada RM35,000.



Zakat/ Fitrah tertakluk kepada jumlah cukai maksima yang dikenakan kepada pembayar cukai.

KATEGORI CUKAI DI MALAYSIA

Terdapat dua jenis cukai di Malaysia iaitu cukai langsung dan cukai tidak langsung. Cukai langsung ialah cukai yang dikenakan ke atas pendapatan individu atau syarikat. Cukai tersebut dibayar secara terus kepada kerajaan. Contoh cukai langsung ialah cukai pendapatan dan cukai keuntungan hartanah. Badan berkanun yang mengenakan cukai langsung ialah Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN). Cukai tidak langsung ialah cukai penggunaan yang dikenakan ke atas barangan yang dibeli atau perkhidmatan yang digunakan, dan dibayar secara tidak langsung kepada pihak kerajaan. Contoh cukai tidak langsung ialah Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST), Cukai Perkhidmatan dan Cukai Jualan. Agensi kerajaan yang terlibat dalam menguruskan cukai ini ialah Jabatan Kastam DiRaja Malaysia.

CUKAI BARANG DAN PERKHIDMATAN (GST)

The logo for GST (Goods and Services Tax) is displayed in white text on a purple rectangular background with rounded corners and a slight shadow effect.

- Tarikh Penguatkuasaan: **1 April 2015**

- **Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST)** ialah cukai kepenggunaan berdasarkan konsep nilai tambah.

- **GST di Malaysia** dikenakan ke atas:
 - a) pembekalan bercukai barang atau perkhidmatan
 - b) dibuat oleh orang kena cukai
 - c) dibuat dalam perjalanan atau penerusan apa-apa perniagaan yang dijalankan oleh orang kena cukai
 - d) dibuat di Malaysia

GST juga dikenakan ke atas pengimportan barang dan perkhidmatan di Malaysia. GST menggantikan cukai jualan dan cukai perkhidmatan sebelum ini (SST).

Jabatan Kastam DiRaja Malaysia bertindak sebagai agensi kerajaan yang bertanggungjawab dalam menguruskan, menilai, mengutip dan menguatkuasakan pembayaran GST.

TERDAPAT 3 KATEGORI PEMBEKALAN:

JENIS PEMBEKALAN	CUKAI OUTPUT	CUKAI INPUT
Kadar Standard	6%	Boleh tuntutan
Kadar Sifar	0%	Boleh tuntutan
Pengecualian	Tiada GST dikenakan	Tidak boleh dituntut

1. Pembekalan bercukai

Pembekalan bercukai bermaksud pembekalan barang atau perkhidmatan yang berkadar standard atau berkadar sifar selain daripada pembekalan yang dikecualikan. Pembekalan bercukai tertakluk kepada kadar cukai yang positif iaitu 6%.




2. Pembekalan berkadar sifar

Pembekalan berkadar sifar bermaksud pembekalan bercukai yang tertakluk kepada kadar sifar peratus (0%). Pembekal tidak mengutip sebarang GST tetapi diambilkira sebagai pembekalan bercukai dan layak untuk menuntut GST yang dikenakan. Pembekalan berkadar sifar adalah seperti yang disenaraikan dalam Perintah GST (Pembekalan Berkadar Sifar) 2014.

Contoh:

- Daging segar dan beku, termasuk organ ternakan
- Ayam hidup dan itik
- Daging segar dan beku, termasuk organ ayam dan itik
- Telur ayam dan telur itik, termasuk segar atau diasinkan



3. Pembekalan yang dikecualikan

Pembekalan yang dikecualikan adalah pembekalan yang tidak tertakluk kepada GST. Pembekal yang dikecualikan tidak boleh mengenakan GST dan tidak boleh menuntut GST. Pembekal yang dikecualikan adalah seperti yang disenaraikan dalam Perintah GST (Pembekalan Yang Dikecualikan) 2014.

Contoh:

- a) Hartanah untuk kediaman, pertanian dan kegunaan umum (bangunan kerajaan, tanah pertanian dan rumah ibadat)
- b) Bangunan kediaman



STRUKTUR GST

CUKAI OUTPUT	CUKAI INPUT
Jualan <ul style="list-style-type: none"> • Barang • Perkhidmatan 	Pembelian <ul style="list-style-type: none"> • Bahan Mentah • Stok • Mesin • Perabot • Sewaan • Bil Telefon

Contoh : Bengkel Kereta

CUKAI OUTPUT		CUKAI INPUT	
Jualan	GST	Pembelian	GST
a) Bahagian auto RM10,000	RM600	a) Bahagian auto RM2000	RM120
b) Kos Pekerja RM15,000	RM900	b) Alatan RM1000	RM60
		c) Sewaan RM500	RM30
		d) Gaji RM1000	0
Jumlah Cukai Output	RM1500	Jumlah Cukai Input	RM210

$$\begin{aligned}
 \text{Jumlah Perlu Dibayar ke Kastam} &= \text{Jumlah Cukai Output} - \text{Jumlah Cukai Input} \\
 &= \text{RM1500} - \text{RM210} \\
 &= \text{RM1,290}
 \end{aligned}$$

MEMFAILKAN PULANGAN CUKAI

Dokumen yang digunakan untuk menghantar Pulangan GST ialah **Borang 3 ('GST-03')**. Kekerapan untuk pemfailan adalah bergantung kepada perolehan tahunan syarikat. Untuk **perolehan tahunan kurang daripada RM5 juta**, kekerapan pemfailan adalah setiap suku tahun. Syarikat yang mencapai **perolehan tahunan melebihi RM5 juta**, kekerapan pemfailan akan meningkat kepada bulanan.

Tarikh akhir untuk memfailkan pulangan GST dan pembayaran GST adalah pada **hari terakhir dalam bulan yang berikutnya** dalam tempoh percukaian. Sebagai contoh, jika tempoh percukaian adalah Januari hingga Mac, maka tarikh akhir pemfailan dan pembayaran GST hendaklah pada 30 April.



SIMPANAN REKOD

Semua perniagaan yang berdaftar untuk GST dikehendaki untuk menyimpan rekod selama 7 tahun. Dokumen yang diperlukan adalah seperti berikut (tidak terhad):

- a) Dokumen yang menunjukkan barang dan perkhidmatan telah dibekalkan atau telah diterima;
- b) Dokumen import;
- c) Dokumen eksport; dan
- d) Kontrak dan sebut harga yang menunjukkan liabiliti GST.

PEMBAYARAN GST

Jika cukai output melebihi cukai input, perbezaan tersebut hendaklah diserahkan kepada Kerajaan bersama-sama dengan pulangan GST tidak lewat daripada hari terakhir bulan berikutnya selepas tempoh percukaian berakhir.


NOTA

- i. Penghantaran GST hendaklah melalui atas talian di Taxpayer Access Portal (TAP). Ia adalah portal yang membolehkan pembayar cukai untuk menguruskan cukai mereka sendiri. <https://gst.customs.gov.my/TAP/>
- ii. Maklumat tentang percukaian adalah daripada sumber www.hasil.org.my

LANDSKAP PEMBIAYAAN

KEPADA PKS DI MALAYSIA

Sumber: Laporan Tahunan PKS 2015/16, SME Corp. Malaysia



	NAMA SYARIKAT:	SUMBER DANA KEWANGAN	
	Kos Perlaburan Perniagaan	Sendiri (RM)	Pinjaman (RM)
B.	Perbelanjaan operasi dan modal		Kos 6 Bulan
	•		
	•		
	•		
	•		
	•		
	•		
	•		
	•		
	•		
	•		
	Jumlah		
C.	Stok Awal		
	Jumlah Kos Perlaburan Perniagaan (A+B+C)		



TAMAT

